



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Pahang

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap di UiTM Cawangan Pahang**.

JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	TARAF PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA						
1.	Pegawai Eksekutif	N29	Penolong Pegawai Tadbir	Tetap	RM1,493.00	RM5,672.00

SYARAT LANTIKAN

PEGAWAI EKSEKUTIF (N29)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia ;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); atau
 - (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Eksekutif Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
- (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Had umur pelantikan :
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau badan berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.

Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama salinan sijil-sijil dan mengikut susunan berikut :-

- i. Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
- ii. Salinan Sijil Berhenti Sekolah Menengah
- iii. Salinan Sijil PMR/MCE/SPM, HSC/STPM, Ijazah/Diploma atau setaraf
- iv. Surat Pengesahan tempoh pekerjaan daripada majikan (jika ada) untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji.

Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.

Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
- b. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pahang di <http://pahang.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.
- c. Tarikh tutup permohonan adalah pada **01 Mac 2024**.
- d. Sila kemukakan permohonan kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENKA
26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENKA
PAHANG DARUL MAKMUR**

NO.TEL: (09-4602000 / 2032)